

From: UUM CORPORATE COMM.
Sent: Sunday, July 21, 2019 4:29 PM
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Subject: Lawatan Penandaarasan Tambahbaik Amalan 5S Dan Pengurusan Lean



UUM Corporate Comm.
Universiti Utara Malaysia

21 JULAI 2019 / 18 ZULKAEDAH 1440H
=====

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Oleh: Nur Hazlina Ghazali
Gambar oleh: IPQ

LAWATAN PENANDAARASAN TAMBAHBAIK AMALAN 5S DAN PENGURUSAN LEAN



UUM ONLINE: Pulau Pinang – Bagi menambah baik amalan 5S dalam setiap jabatan di Universiti Utara Malaysia (UUM), Institut Pengurusan Kualiti (IPQ) telah mengadakan Lawatan Penandaarasan 5S dan Pengurusan LEAN ke Pejabat Setiausaha Kerajaan Pulau Pinang, baru-baru ini.

Ketua Penolong Pendaftar, Faizah Hashim berkata, Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC) telah menambahbaik amalan 5S dengan pengenalan kriteria baharu 5S yang mana beberapa elemen telah diperkenalkan iaitu skop pensijilan, perancangan, realisasi pengurusan persekitaran berkualiti, pengukuran analisis dan penilaian penambahbaikan berterusan.

Menurutnya, Pengurusan Lean pula diwujudkan bagi memantapkan lagi amalan 5S dan mendapatkan impak pelaksanaan yang lebih signifikan dalam mengurangkan pembaziran.

“Lawatan ke Pejabat SUK ini adalah bagi melihat amalan 5S dan Pengurusan Lean yang dilaksanakan organisasi terbabit, seterusnya dapat membantu memantapkan amalan 5S di

semua jabatan dalam UUM,” katanya yang mengetuai delegasi IPQ disertai 28 juruaudit 5S dan ketua-ketua AJK 5S IPQ.

Sementara itu, Penolong Setiausaha Bahagian Korporat SUK, Mardiana Zaini berkata, tujuh bahagian dalam SUK telah menjalani Pengurusan Lean bermula dari 2017.

“Pengurusan Lean diperkenalkan sebagai lanjutan daripada amalan 5S dan juga KIK, selain itu ianya juga dapat menjimatkan masa, kos dan memberi nilai tambah kepada rakyat Pulau Pinang.

“Pengurusan Lean mempunyai persamaan dengan KIK, namun hanya terdapat perbezaan yang boleh dilihat pada dua program ini iaitu pengakhiran Projek KIK akan mewujudkan satu sistem atau aplikasi, tetapi bagi Pengurusan Lean ianya lebih menjimatkan masa dan proses kerja harian,” katanya.

Delegasi UUM juga berpeluang melawati beberapa jabatan di bawah SUK yang telah mendapat beberapa Pensijilan 5S MPC, Penang Green Office Project dan Pengurusan Lean.



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.